



**TEKS PERASMIAN  
YANG BERHORMAT DR XAVIER JAYAKUMAR  
MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**

**SAMBUTAN HARI GAJAH SEDUNIA  
(*WORLD ELEPHANT DAY*) 2019**

**PUSAT KONSERVASI GAJAH KEBANGSAAN  
KUALA GANDAH, PAHANG  
7 SEPTEMBER 2019 (SABTU)**

---

**YANG BERHORMAT TENGKU ZULPURI SHAH BIN RAJA PUJI**  
Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli

**YANG BERBAHAGIA DATUK ZURINAH BINTI PAWANTEH**  
Ketua Setiausaha  
Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli

**YANG BERBAHAGIA DATO' ABDUL KADIR BIN ABU HASHIM**  
Ketua Pengarah  
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN)  
Semenanjung Malaysia

Rakan-rakan penaja dan penganjur

YBhg. Dato'-Dato',

Para sukarelawan, rakan-rakan media, Tuan-tuan dan Puan-puan yang  
saya hormati sekalian

Selamat pagi dan Salam Sejahtera,

1. Bagi pihak Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) sukacita saya mengambil peluang ini untuk menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan kepada pihak Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Semenanjung Malaysia kerana menjemput saya untuk memberi ucapan dan merasmikan Sambutan Hari Gajah Sedunia atau *World Elephant Day* 2019 pada hari ini.

2. Untuk pengetahuan para hadirin, Hari Gajah Sedunia disambut pada 12 Ogos setiap tahun sejak tahun 2012. Sambutan Hari Gajah Sedunia diadakan bagi mendedahkan masyarakat dunia tentang kepentingan pemuliharaan spesies gajah dan meningkatkan kesedaran masyarakat tentang ancaman yang dihadapi oleh populasi gajah di seluruh dunia.

3. Di peringkat antarabangsa, Gajah Asia (*Elephas maximus*) telah disenaraikan di dalam Appendix 1 oleh *Convention on International Trade of Endangered Species of Wild Fauna and Flora (CITES)*. Ini bermakna hidupan liar ini tidak boleh diniagakan disebabkan populasinya diancam kepupusan.

4. Gajah juga turut dikategorikan sebagai hidupan liar yang terancam di dalam *Red List, International Union for Conservation of Nature (IUCN)*. Komitmen negara terhadap pengukuhan perlindungan spesies ini dizahirkan dengan menaik taraf tahap status gajah sebagai spesies yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716].

**Para hadirin sekalian,**

5. Demi menjaga kelestarian populasi gajah liar dan kesejahteraan rakyat, Kementerian ini melalui Jabatan PERHILITAN Semenanjung Malaysia telah melaksanakan pelan pengurusan jangka pendek dan jangka panjang selaras dengan Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025 (DKBK) bagi memastikan semua spesies hidupan liar diurus secara cekap dan berkesan.

6. Beberapa pelan tindakan telah diwujudkan sebagai garis panduan dalam pengurusan program konservasi gajah termasuk Pelan Pengurusan Gajah Semenanjung Malaysia (2006), Manual Tangkapan Gajah di Semenanjung Malaysia (2006), Pelan Tindakan Strategik Pengurusan Konflik Manusia-Gajah Semenanjung Malaysia (2007) dan Pelan Pengurusan Santuari Gajah Sungai Deka, Terengganu.

7. *National Elephant Conservation Plan* (NECAP) pula telah dibangunkan pada tahun 2013 sebagai garis panduan pengurusan aktiviti konservasi gajah secara kerjasama antara Jabatan PERHILITAN, agensi kerajaan lain di peringkat pusat dan negeri, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Pelaksanaannya adalah merujuk kepada lima (5) fokus utama iaitu Perlindungan Habitat; Pengukuhan Penguatkuasaan; Pengurusan Konflik; Pemantauan Berkesan; dan Penyelidikan.

**Para hadirin sekalian,**

8. Kerajaan juga melaksanakan aktiviti di bawah Pelan Induk *Central Forest Spine (CFS)* yang bertujuan untuk mewujudkan kesinambungan (*connectivity*) habitat biodiversiti negara di empat (4) kompleks hutan utama iaitu Banjaran Titiwangsa – Banjaran Bintang – Banjaran Nakawan; Taman Negara – Banjaran Timur; Pahang Tenggara, Chini dan kawasan Bera; serta Taman Negara Endau Rompin - Rezab Hidupan Liar Kluang.

9. Program-program perlindungan yang telah dilaksanakan oleh Jabatan PERHILITAN telah berjaya menurunkan kerugian akibat konflik gajah dan manusia kepada 44% dalam tempoh 2015 hingga 2018. Hasil penurunan kerugian ini membantu mengurangkan ancaman kepada gajah dan dapat menyumbang kepada kesejahteraan ekonomi penduduk setempat.

10. Selain itu, dua (2) pusat pemuliharaan gajah telah ditubuhkan iaitu Pusat Konservasi Gajah Sg. Deka, Terengganu dan Santuari Gajah Johor (JES) sebagai usaha meningkatkan kawasan perlindungan khusus untuk pemuliharaan gajah di negara ini. Satu lagi Santuari Gajah sedang dirancang di Aman Jaya Perak.

**Para hadirin sekalian,**

11. Kementerian ini dan Jabatan PERHILITAN amat bernasib baik kerana menerima bantuan dan sokongan daripada pihak Kerajaan dan pelbagai pihak lain termasuk swasta dalam pengurusan, penjagaan dan husbandri gajah seperti:

- Peruntukan sebanyak RM 15.3 juta bagi tempoh RMKe-10 bagi membina kemudahan bagi meningkatkan keselesaan gajah dan persekitaran pekerjaan di Pusat Konservasi Gajah Kebangsaan (PKGK) ini;
- Peruntukan sebanyak RM 4.084 juta melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan dan Budaya (MOTAC) di bawah projek *Malaysian Mega Biodiversity Hub* (MMBH) bagi menaiktaraf kemudahan infrastruktur pelancongan;
- Pihak *East Cost Economic Region Development Council* (ECERDC) telah memperuntukkan RM3 juta bagi projek menaik taraf kawasan ekopelancongan serta kawasan tadahan air di PKGK;
- Bantuan penajaan daripada *Export–Import Bank of Malaysia Berhad* (EXIM Bank) sebanyak RM55,000.00 di bawah projek CSR melibatkan sumbangan 2 unit kaki *prosthetic leg* gajah istimewa Elly & tajaan ubatan dan peralatan (*water jet & bottle calf*) bagi pengurusan anak gajah;
- Bantuan penajaan Bursa Malaysia bernilai RM5,000.00 untuk peralatan pagar elektrik bagi pembinaan kawasan lepas bebas gajah di PKGK;
- Bantuan Penajaan daripada *Malaysian Palm Oil Council* (MPOC) sebanyak RM8,000.00, Bank Simpanan Nasional (BSN) sebanyak

RM10,000.00 dan Ladang Sime Darby Mentakab sebanyak RM1,000 bagi program WED 2019 kali ini; dan

- Sumbangan daripada 2 juta pelawat yang telah sudi mengunjung dan menjalankan aktiviti-aktiviti CSR & sukarelawan di PKGK daripada tahun 2008 sehingga kini.

12. Bersempena dengan majlis ini juga, dalam usaha meningkatkan promosi dan hebahan maklumat berkaitan pemuliharaan hidupan liar, saya dengan ini mengumumkan perlantikan Cik Maya Karin sebagai 'The Voice of Wildlife' yang akan membantu KATS dan PERHILITAN menjalankan aktiviti sukarelawan dan sebagai suara menyebarkan maklumat dan informasi berkaitan usaha konservasi hidupan liar. Semoga dengan perlantikan ini, seluruh masyarakat akan turut bersama Kerajaan terlibat dalam memulihara hidupan liar bagi memastikan sumber khazanah kita terus terpelihara.

**Para hadirin sekalian,**

13. Di kesempatan ini, saya ingin menyampaikan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang telah terlibat secara langsung dan tidak langsung kepada konservasi gajah di Semenanjung Malaysia. Semoga kerjasama erat ini boleh diperkukuhkan pada masa-masa akan datang.

14. Dengan ini, saya merasmikan Sambutan Hari Gajah Sedunia 2019.

Terima kasih.

**DR. XAVIER JAYAKUMAR**  
**MENTERI AIR, TANAH DAN SUMBER ASLI**  
**7 SEPTEMBER 2019**